

PARLIMEN - FITNAH

1978

14

KUALA LUMPUR, 19 OKT. (BERNAMA) — DAKWAAN +FITNAH-MEMFITNAH+ ANTARA ORANG-ORANG UMNO DAN PAS DALAM MASA PILIHANRAYA YANG LALU TELAH MENCETUSKAN PERTIKAMAN LIDAH ANTARA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN ANGGOTA-ANGGOTA PAS DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

SOAL ITU TIMBUL BILA DATUK HAJI ABU BAKAR UMAR (PAS-KOTA SETAR) YANG JUGA TIMBALAN YANG DIPERTUA PAS BERTANYA DALAM MASA SOAL-JAWAB SEBAGAI APAKAH DATTUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA PARTI ISLAM MALAYSIA LEBIH MERBAHAYA DARI KOMUNIS.

BELIAU JUGA BERTANYA KEPADA PERDANA MENTERI APAKAH KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU SATU PANDANGAN KERAJAAN ATAU CUMA SATU ISU DALAM PILIHANRAYA UMUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BANGUN MENJAWAB DENGAN PANJANG LEBAR TENTANG KENYATAAN BELIAU ITU DAN TAFSIRAN +MERBAHAYA+ YANG DIGUNAKANNYA.

BELIAU MENYEBUT SATU AYAT ALQURAN DALAM SURAH AL-BAQARAH MENGENAI FITNAH YANG LEBIH BESAR BAHAYANYA DARI PEMBUNUHAN. — BERSAMBUNG 1727/YF

PARLIMEN-FITNAH 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KOMUNIS TELAH MEMBUNUH RAMAI ORANG TETAPI INI TIDAK MELEMAHKAN SEMANGAT RAKYAT DAN JAUH SEKALI DARI MEMISAHKAN MEREKA DARI AGAMA ISLAM.

TETAPI MENURUTNYA, FITNAH YANG DILEMPARKAN OLEH PAS DALAM PILIHANRAYA LALU TELAH BERJAYA MEMECAH-BELAH ORANG ISLAM, MEMESONGKAN ANUTAN MEREKA DARI ISLAM YANG SEBENAR, MENJADIKAN MEREKA BERMUSUH-MUSUHAN SESAMA SENDIRI DAN MENJADIKAN MEREKA KUMPULAN YANG BERTAMBAH LEMAH.

+PAS CUBA MELEMAHKAN SEMANGAT ANGKATAN TENTERA KITA YANG BERPERANG MELAWAN KOMUNIS DENGAN MEMFITNAH DALAM MANIFESTONYA.

+PAS MEMBUAT TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS DALAM RISALAH-RISALAH KEPADA INDIVIDU DAN PARTI DAN KERAJAAN TANPA MENANDATANGANI TUDUHAN ITU.

+DAN SELEPAS PILIHANRAYA BERBAGAI KEGIATAN YANG BERCONGGAH DENGAN ISLAM TELAH DIURUS DAN DIARAH OLEH PAS, SEHINGGALAH MASYARAKAT ISLAM MENJADI KUCAR-KACIR, + KATANYA. — BERSAMBUNG 1731/YF

EE

B602

PARLIMEN-FITNAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAMA 30 TAHUN KOMUNIS MENYERANG MALAYSIA, RAKYAT TIOYNAH TEWAS.

+KITA TIDAK TEWAS KERANA ORANG MELAYU SEBAGAI ORANG ISLAM MENJADI BENTENG YANG KUAT MEMPERTAHANKAN NEGARA KITA. +

SERANGAN KOMUNIS TIDAK BAGITU BAHAYA KERANA AKIBATNYA TELAH MENGUKUHKAN LAGI SEMANGAT DAN MERAPATKAN BARISAN RAKYAT UNTUK MEMELIHARA AGAMA, BANGSA DAN TANAH AIR.

TETAPI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR LAGI, KERANA FITNAH PAS BENTENG INI SUDAH RETAK.

+SEBAB ITU PAS LEBIH BAHAYA DARI KOMUNIS — PAS MUNGKIN BERJAYA MENGHANCURKAN BENTENG PERTAHANAN MALAYSIA YANG MANA KOMUNIS TIDAK MUNGKIN MELAKUKANNYA, + TEGASNYA. — BERSAMBUNG 1735/YF

EE

B603

PARLIMEN-FITNAH 4 KUALA LUMPUR

ANGGOTA PAS BALING, ENCIK MOHAMAD NAKHAIE HAJI AHMAD MENARIK PERHATIAN TENTANG AYAT QURAN YANG DISEBUTKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA AYAT ITU BERMAKSUD +FITNAH-MEMFITNAH+ IAITU ADA DUA GOLONGAN YANG TERLIBAT.

+SAYA KHUATIR KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU JUGA MENGANDUNGI FITNAH,+ KATANYA.

JAWAB DATUK SERI DR.MAHATHIR: +TUHAN SAJA YANG TENTUKAN APAKAH KENYATAAN SAYA ITU FITNAH.+

DATUK ABU BAKAR UMAR BANGKIT LAGI BERTANYA APAKAH FITNAH JUGA TIDAK ADA DARI ORANG-ORANG UMNO.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA: +FITNAH YANG DIBUAT OLEH PAS ITU LEBIH BERTANSA.+ — BERNAMA 1738/YF